



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS FELO INTAN DAN PENYAMPAIAN
DIPLOMA INTAN 2012**

**PADA 15 JANUARI 2013 (SELASA)
JAM 9.00 PAGI
DI DEWAN PERDANA
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah bt. Hj. Mohd. Ali, Felo INTAN

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali dan

YBhg. Dato' Dr. Ismail Hj. Alias,

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Dato' Dr. Halim Man,

Pengarah INTAN

Yang diraikan, YBhg. Tan Sri Ismail Adam dan para graduan

Dif-Dif kehormat,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Datin Sri-

Datin Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., kerana dengan limpah rahmat Nya telah mengizinkan kita untuk hadir dan bertemu pada hari yang penuh berbahagia ini, iaitu di Majlis Anugerah Felo INTAN dan Penyampaian Diploma INTAN 2012.

UCAPAN TAHNIAH

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini, merakamkan ucapan syabas dan **setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Tan Sri Ismail Adam**, di atas pemilihan beliau sebagai penerima Anugerah Felo INTAN bagi tahun 2012. Anugerah Felo INTAN yang bakal disampaikan kepada beliau merupakan penghargaan ke atas segala sumbangan dan bakti, komitmen serta pengorbanan yang telah beliau curahkan kepada perkhidmatan awam dan negara.

3. **Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada para graduan** kerana telah menamatkan dengan jayanya kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) dan Diploma Sains Pengurusan (DSP). Saya percaya majlis penganugerahan ini merupakan detik yang sungguh bermakna dan menjadi mercu tanda dalam melakar sejarah kehidupan para graduan sekalian. Saya berharap dan berdoa agar segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi sepanjang kursus ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

PERANAN PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Saya ingin menarik perhatian kepada kata-kata seorang Senator Amerika Syarikat yang terkenal, Margaret Chase Smith (1897-1995), *“My creed is that public service must be more than doing a job efficiently and honestly. It must be a complete dedication to the people and to the nation with full recognition that every human being is entitled to courtesy and consideration, that constructive criticism is not only to be expected but sought, that smears are not only to be expected but fought, that honour is to be earned, not bought.”*

5. Pernyataan ini menjelaskan bahawa nobiliti perkhidmatan awam dalam menyampaikan perkhidmatan adalah berteraskan kepada satu iltizam yang berorientasikan kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik. Perkhidmatan awam telah sekian lama mempunyai pertalian (*bondage*) dengan rakyat sejak evolusinya dan pertalian penyampaian perkhidmatan ini akan diteruskan berlandaskan ciri-ciri **cepat, tepat dan berintegriti** bagi memastikan permintaan dan ekspektasi rakyat sentiasa dipenuhi dan terlaksana. Dalam hubungan itu, kita mesti jujur, adil dan prihatin dalam memastikan kesejahteraan rakyat adalah terjamin. Namun begitu, kita perlu memecah tembok kemustahilan sepertimana **saranan YAB Perdana Menteri agar kita akan terus menjadi produktif, kreatif dan berinovatif** dalam menyampaikan perkhidmatan secara berkesan.

MENGHARUNGI KEMUSTAHILAN

6. Jika kita menyusuri sejarah tentang kisah penakluk-penakluk masyhur dan terkemuka seperti Alexander the Great, Genghis Khan, Ashoka The Great, Jabar Al-Tariq, Napoleon Bonaparte dan Hannibal the Great, kesemua mereka ini mempunyai beberapa ciri yang sama iaitu semua mempunyai satu visi yang menarik (*compelling vision*), memiliki keghairahan (*passionate*), kepimpinan luar biasa, kuasa motivasi, komunikasi, rundingan berkesan, daya ketahanan dan percaya terhadap kemampuan tentera mereka sebagai satu pasukan kental.

7. Justeru, dalam perspektif perkhidmatan awam, signifikansi dan kisah-kisah penaklukan luar biasa ini boleh dihayati dan dijadikan sumber tenaga dan inspirasi untuk menangkis tohmahan-tohmahan yang sering didengari seperti keengganan penjawat awam untuk mencabar status quo, membuat perubahan minda, melakukan anjakan paradigma, berfikir di luar kotak serta berkongsi sumber dan kepakaran. Kita tidak boleh berada di takuk lama ciptaan kita sendiri lalu menjadikan budaya *silo* atau keterpisahan serta ketaksuban menjaga sempadan masing-masing.

8. Untuk itu, saudara-saudari perlu melengkapkan diri dengan ciri-ciri penakluk-penakluk dunia terkemuka yang saya sebutkan tadi, seperti mempunyai **daya kekuatan dan ketahanan, *persuasive*, kebijaksanaan berunding dan mampu untuk bertindak sebagai satu pasukan.** Kita perlu mengenal pasti bantuan sumber, infrastruktur dan sentiasa bersedia dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini (*emerging skills*) dalam menyediakan perkhidmatan awam yang terbaik. Kita juga perlu bersedia meniti sebarang kemustahilan.

9. Bagi meniti ketidakmustahilan, kita perlu mempunyai keberanian, kecekalan daya fikiran, perancangan dan keinginan untuk membuat sesuatu di luar dugaan yang dapat melakar kejayaan yang boleh dibanggakan. Jika kita hanya bersandarkan kepada sejarah kejayaan silam tanpa gigih mencari kejayaan-kejayaan baru, budaya jumud akan timbul. Demi menggapai kejayaan, *mindset* kita perlu diperbetulkan kerana ia menentukan cara kita bekerja dan melaksanakan tugas.

INOVASI DAN KREATIVITI DALAM KONTEKS PERTUMBUHAN NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. *Momentum to persevere needs continuous improvements and it's only through innovation and creativity that one is successful continuously.* Melihat kepada buku *How They Started Global Trends* suntingan David Lester (2008) berkaitan dengan jenama-jenama antarabangsa seperti Adidas, Coca Cola, Billabong, KFC, Pizza Hut dan lain-lain lagi, satu yang menjadi kesamaan antara pengasas-pengasas jenama terkemuka ini ialah sikap *passionate* mereka terhadap sesuatu idea, kesegeraan dan kesungguhan untuk mencari jalan walau apapun halangan yang dilalui.

11. Google dan Bebo adalah merupakan dua jenama yang telah menunjukkan kesegeraan dalam pertumbuhan bisnes mereka sehingga mampu mempunyai jutaan pelanggan. Tetapi faktor yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan jenama-jenama ini ialah dinamisme dalam menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai asas kejayaan mereka.

Adakah saudara-saudari tahu, umur pengasas IKEA iaitu Ingvar Kamprad hanyalah 17 tahun. Begitu juga dengan pengasas-pengasas jenama terkemuka yang lain seperti Hilton Hotels (Conrad Hilton), Lonely Planet (Maureen and Tony Wheeler), Pizza Hut (Dan and Frank Carney) hanyalah dalam lingkungan 20 hingga 26 tahun. Sinonimnya, saya memang menaruh harapan kepada anda sebagai PTD Muda untuk terus menghayati dinamisme pengasas-pengasas muda jenama terkemuka ini dan terus mula mencari idea-idea baru dan melengkapkan perkhidmatan awam dengan inovasi dalam produk dan perkhidmatan yang akan menjadi kebanggaan perkhidmatan awam dan negara. Untuk itu kita perlu terus berinovasi dengan mempertingkatkan potensi kita.

12. *To reach our potential you must grow. And to grow you must be highly intentional about it.* Ini adalah kata-kata John Maxwell dalam bukunya, 'The 15 Invaluable Laws of Growth' (2012). Salah satu Laws of Growth yang saya minati dalam buku beliau ialah Law of the Rubber Band di mana beliau berkata, *"growth stops when you loose the tension between where you are and where you could be"*.

13. Sesungguhnya, kejayaan saudara-saudari para graduan sekalian memperoleh DPA dan DSP pada hari ini merupakan testimoni kesungguhan, komitmen dan keinginan untuk terus berjaya dalam menghadapi segala cabaran di sepanjang kursus-kursus ini. Namun demikian, harus diingatkan kepada diri sendiri walaupun kita telah berjaya menggapai kejayaan pada hari ini, kita seterusnya tidak boleh pula duduk diam dan bersikap *complacent* di jabatan masing-masing nanti.

14. Kita semua mempunyai potensi tetapi ia perlu dibangunkan secara terancang dan keluar daripada perangkap status quo dan bersedia mendakapi perubahan. Sepertimana kata-kata Perdana Menteri kita, “Penjawat awam perlu berani meneroka idea baru yang bersifat kreatif dan inovatif bagi mencapai kejayaan yang diidamkan. Kita mesti berani memisahkan diri kita daripada pemikiran tradisional dan memecahkan tembok kemustahilan untuk mencapai kejayaan yang berlandaskan kepada nilai kreativiti dan inovasi”.

HASRAT DAN HARAPAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Dalam mengemudi arus perubahan yang semakin kompleks ini, penjawat awam harus mengeksploitasi sepenuhnya kapasiti yang ada dan inisiatif yang telah diwujudkan dalam menterjemahkan aspirasi Kerajaan, rakyat dan negara. Sektor awam perlu sentiasa dinamik dalam mencari usaha untuk keluar dari belenggu pemikiran yang jumud dan cara bekerja yang lapuk yang hanya akan merencatkan agenda transformasi negara.

16. Untuk itu, saya amat berharap agar pegawai-pegawai muda di hadapan saya pada hari ini lebih **peka dan bertanggungjawab dalam melaksanakan apa jua dasar-dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan**. Dalam hal ini, sokongan dan kerjasama di semua peringkat adalah amat penting dalam memastikan kelangsungan serta kelancaran pelaksanaan keputusan-keputusan tersebut, agar matlamatnya tercapai dengan jayanya.

17. Sebagai contoh, YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2013, telah mengumumkan lebih daripada 100 *touch-points* melalui penjana pelbagai inisiatif untuk kesejahteraan rakyat. Sewajarnya kita sebagai penjawat awam yang diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan ini, harus bertindak 'selangkah di hadapan' (sepagaimana slogan INTAN) dalam memastikan kejayaan pelaksanaannya. Kita tidak perlu menunggu satu-satu pekeliling atau arahan bertulis dikeluarkan barulah bertindak, sebaliknya lebih proaktif untuk melaksanakannya dengan mencari jalan memudahkan dan bukan menyusahkan (*to facilitate, not frustrate or irritate*).

Para hadirin yang dihormati sekalian.

18. Dalam majlis pada hari ini, kita juga merasa amat bangga kerana dapat memberi penghormatan kepada seorang tokoh perkhidmatan awam yang terkenal dan dihormati. Tokoh Felo INTAN pada tahun ini, YBhg. Tan Sri Ismail Adam, sememangnya telah banyak memberi sumbangan dan bakti kepada negara. Kepimpinan dan perkhidmatan beliau telah memartabatkan perkhidmatan awam ke satu tahap yang membanggakan dan dihormati.

19. Sekali lagi, saya bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Ismail Adam di atas penganugerahan Felo INTAN bagi tahun 2012. Semoga YBhg. Tan Sri dan keluarga sentiasa dilimpahi rahmat kesejahteraan dan kebijaksanaan yang berterusan dari Allah S.W.T.

PENUTUP

20. Akhir kata, saya berharap dan percaya saudara-saudari para graduan sekalian akan dapat berkhidmat kepada negara dengan penuh profesionalisme, adil dan yang paling penting berintegriti demi merealisasikan hasrat dan janji perkhidmatan awam untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Semoga kejayaan yang diterima pada hari ini menjadi inspirasi kepada saudara-saudari untuk terus bekerja demi kemajuan perkhidmatan dan negara.

Sekian.

Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.